



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**06 APRIL 2018 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| - Kabin haling laluan taman permainan | 23 |
|---------------------------------------|----|

**Utusan Malaysia**

- |                               |    |
|-------------------------------|----|
| - Stadium Mini MPAJ tanpa CF? | 31 |
|-------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**06 APRIL 2018 (JUMAAT)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kabin halang laluan taman permainan
Muka Surat	23

## ***Kabin halang laluan taman permainan***

PANDAN PERDANA - Penduduk di sebuah pangaspuri di Pandan Perdana menggesa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengambil tindakan ke atas sebuah kabin yang diletakkan di atas jalan raya berhampiran kawasan perumahan itu.

Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk berkaitan kabin yang diletakkan di atas jalan itu sejak bulan lalu.

"Kami akan mengemukakan surat dan memanjangkan perkara itu kepada pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk mengambil tindakan lanjut kepada pemilik kabin berkenaan,"



Ben Liew (empat kiri) bersama penduduk setempat membantah kabin diletakkan di atas jalan raya.

katanya.

Menurutnya, penduduk juga mengadu masalah parkir di kawasan pangaspuri itu.

"Segelintir penduduk akan parkir kenderaan mereka di tepi bahu jalan di kawasan luar pang-

SH 6/4/18 M/S 23

sapuri ini pada setiap malam. Disebabkan adanya kabin ini, ia menimbulkan masalah kekurangan ruang parkir.

Sementara itu, Penduduk, Thiruchelbam, 55, berkata, MPAJ perlu bertindak.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
06 APRIL 2018 (JUMAAT)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Stadium Mini MPAJ tanpa CF?
Muka Surat	31



KEADAAN Stadium Mini MPAJ yang masih belum siap sepenuhnya menjelang perasmianya Ahad ini. - UTUSAN/MUHAMAD HAFIZ (PELATIH UITM)

Perasmian cetus spekulasi ekoran pembinaan masih belum siap

## Stadium Mini MPAJ tanpa CF?

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA  
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 APRIL

**P**ERASMIAN Stadium Mini Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada Ahad ini mencetuskan spekulasi ekoran pembinaan stadium berkenaan masih belum siap sepenuhnya.

Sehingga berita ini ditulis pada pukul 3.15 petang ini, kemudahan sukan yang dibina dengan kos kirai-kira RM19 juta itu masih tidak mempunyai Sijil Layak Menunduk (CF),

Yang Di pertua MPAJ, Abdul Hamid Hussain ketika dihubungi *Utusan Malaysia* mengesahkan, pihaknya masih tidak mengeluarkan kelayakan CF untuk stadium itu tetapi mempunyai kuasa untuk mengeluarkannya pada bila-bila.

"MPAJ boleh mengeluarkan CF pada bila-bila masa kerana itu bidang kuasa kami. Kalau muah esok juga sijil tersebut boleh dikeluarkan."

"Stadium ini adalah hak MPAJ. Apa-apa yang berlaku pada hari perasmian nanti akan jadi tang-



gungjawa kami," katanya di sini hari ini.

Menurut Abdul Hamid, pihaknya kini sedang dalam proses menyiapkan kerja-kerja akhir pembinaan dan yakin akan selesai sebelum majlis perasmian.

Dalam kenyataan MPAJ terdahulu, dianggarkan 5,000 akan hadir pada perasmian stadium yang akan disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar tapak stadium yang terletak di Jalan Perdana 6/3, Pandan Perdana di sini mendapati kerja-kerja pembinaan giat dilanjutkan namun tidak membayangkan dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh dua hari.

Berdasarkan perhatian mendapat sekurang-kurangnya 20 peratus kerja pembinaan masih belum siap sepenuhnya termasuk luaran di pintu masuk utama, la-

uan pejalan kaki dan bumbung hadapan bangunan.

Sementara itu, keputusan Kerajaan Negeri Selangor mengadakan majlis perasmian itu dilihat sebagai tindakan terdesak untuk meraih sokongan rakyat menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) tanpa mengambil kira keselamatan orang ramai.

Penduduk, G.Kishiva, 47 berkata, kerajaan negeri sepatutnya lebih mengutamakan keselamatan pengunjung pada hari perasmian dengan menyiapkan sepenuhnya stadium berkenaan.

"Jangan perjudikan keselamatan orang ramai semata-mata untuk kepentingan politik."

"Kita bimbang keadaan stadium yang tidak siap dengan sempurna ini boleh mengundang ke malangan," katanya.

Azman Ramli, 47, pula berharap kerja-kerja pembinaan ke mudahan rakyat itu tidak dilakukan dalam keadaan tergesa-gesa.

"Berdasarkan pemerhatian, saya rasa baki kerja pembinaan stadium itu tidak mungkin dapat disiapkan dalam masa dua hari," katanya.